

Koleksi Surat Persendirian Zainal Abidin Bin Ahmad (Za'ba) Dalam Simpanan Arkib Negara Malaysia

Siti Hawiyah Manan
Arkib Negara Malaysia, Jalan Tuanku Abdul Halim, 50568, Kuala Lumpur, Malaysia

emel: hawiyah@arkib.gov.my

Published: 21 June 2024

To cite this article (APA): Manan, S. H. (2024). Koleksi Surat Persendirian Zainal Abidin Bin Ahmad (Za'ba) Dalam Simpanan Arkib Negara Malaysia. *Munsysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 2(1), 21–36. <https://doi.org/10.37134/munsysi.vol2.1.2.2024>

Abstrak

Makalah ini membincangkan tentang ketokohan Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) dan koleksi surat persendirian beliau di Arkib Negara Malaysia (ANM). Koleksi ini dikenalpasti sebagai Surat Persendirian Za'ba (SP18). Perbincangan dibahagikan kepada dua bahagian (i) Pemikiran dan kepercayaan Za'ba (ii) Koleksi Surat Persendirian Za'ba yang terdapat di Arkib Negara Malaysia (SP18). Tumpuan utama adalah untuk mempersembahkan idea dan pemikiran Za'ba yang diterjemahkan di dalam penulisannya serta sumber sejarah yang boleh diakses oleh masyarakat awam dalam koleksi SP18. Pendeta Za'ba, atau Zainal Abidin bin Ahmad, merupakan seorang cendekiawan Melayu yang dikenali sebagai tokoh serba boleh dalam bidang bahasa, sastera, falsafah, politik, agama, dan pemikiran ekonomi. SP18 terdiri daripada 9,850 unit bahan dan ia termasuklah surat-menyurat, surat khabar dan majalah, terbitan, bahan pandang dengar, manuskrip, hasil penulisan, dan banyak lagi. Koleksi SP18 yang disimpan di Arkib Negara Malaysia merupakan aset berharga kerana ia merupakan sumber sejarah yang mendedahkan kepada pengkaji tentang pemikiran dan pandangan Za'ba berhubung isu yang diulasnya. Selama hampir 40 tahun, Za'ba aktif dalam penulisan dan penterjemahan, serta menjadi penulis rencana dan eseи yang menggambarkan pemikiran dan pandangan beliau terhadap politik, ekonomi, agama, kemasyarakatan, bahasa, dan sastera. Pandangan Za'ba mendahului zamannya kerana membawa kesedaran bukan hanya kepada isu semasa tetapi juga isu-isu penting pada masa hadapan. Justeru, SP18 dijadikan sumber utama dalam kajian bagi para akademik dan banyak hasil kajian dan artikel dihasilkan berdasarkan koleksi surat persendirian berkenaan. Pemikiran Za'ba memberi dorongan kepada kemajuan bangsa dan negara Malaysia. Makalah ini membincangkan sumbangan Za'ba dan koleksi SP18 kepada masyarakat umum. Perbincangannya diharap akan menggalakkan kajian dalam pelbagai topik seperti karakteristik dan psikologi, kebudayaan Melayu, keibubapaan, kewartawanan, dan ketokohan dalam keagamaan. Ini kerana pemahaman tentang warisan intelektual Za'ba mendorong generasi masa kini untuk menghargai dan memahami peranan beliau dalam membentuk perkembangan sosial dan intelektual negara.

Keywords: Arkib Negara Malaysia, Latar belakang, Pemikiran dan kepercayaan, Surat Persendirian Za'ba, Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)

Abstract

This article aims to discuss a renowned scholar, Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) and his personal collection held by the National Archives of Malaysia (ANM). These materials are classified as Surat Persendirian Za'ba (SP18). The paper is divided into two sections; (i) his thoughts and belief; (ii) Za'ba's private papers at ANM. The main goal is to present ideas Za'ba delivered in his writings and sources available in SP18 for the public. In the areas of language, literature, philosophy, politics, religion, and economics, Za'ba was an exceptional specialist. SP18 has 9850 materials include, among other things, manuscripts, texts, audiovisual records, newspapers, periodicals, and letters. All these resources are value assets for the nation as SP18 is historical sources that provide a window to get Za'ba's insights and opinions on a range of topics. For forty years, Za'ba worked as an author and translator, hence, he had opportunities for publishing articles expressing his thoughts on language, literature, politics, economics, and religion. Thoughts and ideas that went beyond his era were skillfully conveyed through his remarks on topics. Subsequently comments and suggestions brought up suit the Malays both in his times and these days. SP18 provides scholars with original sources for information. Therefore, countless studies and papers were published based on information derived from SP18 sources. That demonstrates how important Za'ba was to the development of both Malaysia and the country. The purpose of this article is to provide some light on a number of topics, such as traits and psychology, parenting, journalism, Malay culture, and religion. The admiration of one of history's greatest figures by the next generation would be enhanced by knowledge of his intellectual legacy. It also helps to educate younger generation on his role in forming this country's intellectual and social landscape.

Keywords: Background, National Archives of Malaysia, thoughts and belief, private papers, Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)

Pendahuluan

Makalah ini membincangkan tentang Za'ba atau nama asalnya Zainal Abidin bin Ahmad yang merupakan seorang tokoh ilmuwan yang banyak memberi sumbangan dan berjasa kepada negara. Za'ba sering menganalisis mengenai peradaban orang Melayu, perkembangan agama, kemiskinan ekonomi, ancaman politik dan isu pendidikan yang menyebabkan kemunduran orang Melayu melalui penulisannya. Pandangan, kritikan dan perbincangan beliau yang mendahului zamannya menyebabkan beliau dianggap sebagai seorang tokoh luar biasa yang berkebolehan dalam pelbagai bidang ilmu. Ketokohan dan sumbangan beliau selama 48 tahun dalam sejarah negara menyebabkan beliau diiktiraf sebagai pendeta. Sebagai agensi yang memainkan peranan dalam menyimpan khazanah negara, Arkib Negara Malaysia menjalankan pengesahan dan perolehan bahan Arkib Persendirian. Sumber sejarah berkaitan Za'ba diperolehi melalui pelbagai saluran dan ia diklasifikasi sebagai Koleksi Surat Persendirian yang dikategorikan sebagai Surat Persendirian Za'ba (SP18).

Latar Belakang Tokoh dan Pemikirannya

(i) Latar Belakang Peribadi dan Kerjaya

Maklumat berhubung Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba), Tan Sri, dibincangkan dengan meluas dalam pelbagai kajian sebelum ini. Beliau dilahirkan pada 16 September 1895 di Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Negeri Sembilan. Pada awal 20-an, beliau mendirikan rumah tangga

dengan Rafeah pada April 1917 sebelum bercerai pada Julai tahun yang sama. Hasil daripada perkahwinan tersebut, beliau dikurniakan seorang anak perempuan. Beberapa bulan kemudian iaitu pada Disember 1917, beliau berkahwin buat kali kedua dengan seorang Wanita yang Bernama Fatimah dan dikurniakan lima orang anak. Jelasnya, Za'ba mempunyai enam orang anak daripada dua buah perkahwinannya.

Dalam aspek pendidikan, pendidikan awal yang diterima sewaktu kecil adalah pendidikan agama. Beliau diajar mengaji Al Quran dan hal-hal keagamaan oleh bapanya sendiri iaitu Ahmad bin Ibrahim. Ketika berumur 13 tahun, beliau menerima pendidikan rasmi di Sekolah Melayu Batu Kikir dan Sekolah Melayu Linggi (1907-1909). Bermula dari situ Za'ba terus menunjukkan kemajuan yang sangat bagus dalam pelajaran beliau. Setelah itu, beliau bekerja sebagai guru sementara di St. Pauls' Institution Seremban pada 1910-1915.¹ Beliau kemudiannya lulus peringkat Senior Cambridge yang dianggap cemerlang bagi anak Melayu pada zaman berkenaan. Setelah selesai pengajian, beliau mula bertugas sebagai guru Bahasa Melayu di *English College Johor Bahru* pada tahun 1916. Semasa berada di Johor Bahru, beliau berjumpa dan mendapat peluang untuk berguru dengan Sheikh Tahir Jalaluddin yang terkenal sebagai tokoh Kaum Muda. Beliau terdedah dengan pemikiran progresif dan giat menambah ilmu pengetahuannya dengan membaca. Persekutaran inilah yang memberi kesan besar kepada Za'ba dalam proses pembinaan peribadi dan pemikirannya sebagai pejuang bangsa dan bahasa.

Ringkasnya semasa di Johor, Za'ba mula menghasilkan penulisan yang bertujuan untuk memperjuangkan ideanya berhubung kemajuan bangsa dan bahasa Melayu. Kegigihan Za'ba menyumbangkan rencana dalam akhbar dan majalah tempatan mula berkembang dalam tempoh ini. Za'ba muncul sebagai pengkritik yang tegas dan berani mengemukakan ideanya tanpa menghiraukan kedudukan golongan yang dikritiknya. Za'ba sering menyentuh lima aspek utama yang dianggap sebagai masalah besar orang Melayu dalam penulisannya iaitu (i) bahasa Melayu, (ii) pendidikan, (iii) agama, (iv) ekonomi dan (v) politik.

Setelah berkhidmat di Johor, Za'ba berpindah ke Perak. Beliau berkhidmat sebagai guru Bahasa Melayu dan penterjemah Bahasa Inggeris di Maktab Melayu, Kuala Kangsar mulai 10 Oktober 1918. Walaupun telah berkerja, Za'ba masih bersemangat untuk melanjutkan pendidikannya. Ini jelas melalui keputusan beliau untuk memasuki kelas *Senior Normal Education* di Taiping. Kegigihan beliau selama tempoh dua tahun tersebut membolehkan beliau lulus perperiksaan pada September 1921. Kelulusan tersebut melayakannya untuk dilantik sebagai guru terlatih Gred 1. Kerjayanya semakin berkembang ekoran perlantikan beliau sebagai Penterjemah Bahasa di Pejabat Pelajaran Negeri-Negeri Selat dan Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur mulai Mei 1923. Kredibiliti beliau dalam bidang penterjemahan semakin meningkat apabila dilantik sebagai Penterjemah Kanan dan Ketua Pengarang di Pusat Latihan Guru Sultan Idris di Tanjung Malim pada 1924 – 1939. Semasa berada di Pusat Latihan Guru Sultan Idris beliau turut diberi kepercayaan untuk menyandang jawatan Ketua Jabatan Bahasa Melayu di maktab selama dua tahun, mulai 1929 sehingga 1931. Menjelang Perang Dunia Kedua, Za'ba berpindah kerja ke Singapura. Beliau bertugas di Pejabat Penerangan Singapura di samping menulis pelbagai buku mengenai pendidikan Melayu di Jabatan Pelajaran Singapura mulai daripada tahun 1939. Seterusnya beliau juga menjadi juruhebah dan penterjemah berita dan ucapan di Radio Malaya Singapura dari 1939-1942. Kerjayanya tidak terhenti semasa zaman penjajahan Jepun kerana beliau bertugas di Jabatan Pelajaran dan Agama (dikenali sebagai Bunkyo-ka dalam organisasi pentadbiran Jepun) mulai 1942 sehingga Julai 1945. Dalam tempoh itu, beliau ditugaskan untuk (i) mengarang berita radio di dalam bahasa Inggeris, (ii) menjadi juruhebah perang dan (iii) menulis pelbagai buku bacaan untuk

Persekutuan Tanah Melayu dan Sumatra. Jelasnya Za'ba berkhidmat dalam kedua-dua kerajaan penjajah di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.²

Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, beliau kembali bertugas dalam *British Military Administration* sebagai penterjemah di Jabatan Perhubungan Raya di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pada September 1945 sehingga 1946, Za'ba dilantik menjadi Penterjemah Kanan Bahasa Melayu di Pejabat Pelajaran Kuala Lumpur serta pengarang buku teks bagi kegunaan semua sekolah Melayu di Tanah Melayu. Kerjayanya semakin berkembang pada 1947. Pada 1 September tahun berkenaan, beliau dilantik sebagai Pensyarah Bahasa Melayu di Sekolah Pengajian Timur dan Afrika (*School of Oriental and African Studies-SOAS*) di Universiti London. Semangat dan kegigihan menuntut ilmu sentiasa membara walaupun beliau telah pun mencapai umur 50-an. Ini dapat dilihat melalui komitmen beliau yang memutuskan untuk melanjutkan pelajaran di Universiti London semasa berada di sana. Hasilnya beliau tamat pengajian dan dianugerahkan ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Bahasa Melayu dan Bahasa Arab oleh SOAS pada tahun 1953.³

Selain daripada tugasnya yang rasmi, Za'ba juga aktif menyampaikan buah fikirannya di media yang popular ketika zamannya. Pengetahuan dan ilmu yang dimiliki oleh Za'ba serta kemahiran beliau dalam penguasaan Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab menyebabkan rencana dan tulisan beliau mendapat sambutan hangat. Sehubungan itu, Za'ba dijemput menyampaikan buah fikirannya di radio. Beliau diberikan peluang untuk menyampaikan ceramah secara bersiri di Radio Malaysia Kuala Lumpur mulai Julai 1951 sehingga Januari 1953. Selain radio, Za'ba juga aktif menulis rencana di dalam beberapa akhbar dan majalah dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Antara akhbar dan majalah berkenaan adalah *Utusan Melayu*, *Lembaga Melayu*, *Majalah Pengasuh*, *Al-Ikhwan*, *Majalah Guru*, *Malay Mail* dan sebagainya. Oleh kerana kekangan ekoran daripada jawatan rasmi yang dipegangnya dalam pentadbiran British, Za'ba menulis dengan menggunakan nama samaran. Terdapat beberapa nama samaran yang beliau gunakan iaitu Anak Melayu Jati, Patriot, Zai Penjelmaan dan Za'ba.⁴ Selain daripada tulisan yang bersifat umum di dalam akhbar dan majalah, Za'ba turut menyumbang di dalam jurnal yang bersifah ilmiah. Ini boleh dilihat melalui tiga makalah tulisannya yang diterbitkan di dalam *Journal of Malayan Royal Asiatic Society* (JMBRAS). Tiga makalah berkenaan berkisar tentang kesusasteraan dan persuratan Melayu yang bertajuk *Modern Development of Malay Literature* (diterbitkan sebagai satu bab tambahan kepada R.O. Winstedt yang menulis tentang sejarah kesusateraan Melayu),⁵ *Recent Malay Literature*⁶ dan *Malay Journalism in Malaya*.⁷ Ketiga-tiga makalah ini menjadi sumber penyelidikan kesusasteraan dan Persuratan Melayu sebelum perang. Selain daripada tiga makalah berkenaan beliau turut menyumbang melalui sumbangan idea dan perbincangan tentang penulisan berkaitan pembangunan di Asia Tenggara (khususnya Malaysia dan Indonesia) pada abad yang kedua puluh. Perkongsian idea tersebut disampaikan setelah mendapat jemputan daripada organisasi tersohor seperti *International Commission for a Scientific and Cultural History of Mankind*, artikel yang dibentangkan kemudiannya telah diterbitkan di dalam *Journal of World History*.⁸

Sebagai seorang penulis Za'ba menyentuh pelbagai aspek penting dalam masyarakat. Dalam bidang sosial beliau mengenai mengenai isu kritikal dalam masyarakat seperti kemunduran pelajaran, kemiskinan material dan rohani, serta sikap hidup orang-orang Melayu. Manakala dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Bahasa Melayu topik yang diberikan perhatian besar adalah tentang memperluaskan alam persuratan, tatabahasa, nahu, ejaan dan karang mengarang. Selain itu, beliau memberikan penekanan kepada aspek kebudayaan dan agama, sejarah dan aspek sosio-ekonomi dan politik yang berkait rapat dengan masyarakat Melayu. Kepelbagaiannya tema ini menyebabkan beliau sentiasa aktif menulis dan berjaya menerbitkan 42

buah buku. Antaranya, *Ilmu Mengarang Melayu* dan *Pelita Bahasa Melayu* yang menjadi buku teks sekolah sehingga selepas Perang Dunia Kedua. Buku lain adalah *Rahsia Ejaan Jawi*, *Daftar Ejaan Melayu*, *Persuratan Melayu II*, *Kalungan Bunga I & II*, *Pendapatan dan Perbahasan Ulama Berkenaan kodha (sic) dan kadar*, *Perjuangan Asyik*, *Asuhan Budi Menerusi Islam*. Beliau turut menerbitkan buku yang merupakan terjemahan dari bahasa Inggeris seperti *Cerita-cerita Suka Shakespeare*, *Anak Raja Dengan Anak Papa* (oleh Mark Twain), *Islamic Review* dan lain-lain lagi.⁹

Ringkasnya, Za'ba menulis dalam pelbagai tema dan pemikirannya dalam tulisan tersebut disalurkan kepada masyarakat melalui media popular pada zamannya. Penggunaan media ini menyebabkan pemikirannya sampai kepada semua lapisan masyarakat sama ada golongan awam atau kepada golongan akademik. Ini memperlihatkan keistimewaan dan keupayaan istimewa beliau dalam menyampaikan ideanya kepada setiap lapisan masyarakat. Kepetahan dan kebijaksanaan beliau menyusun ayat dalam setiap penulisan, menjadikan karya beliau sentiasa dinantikan oleh masyarakat. Penulisan beliau sentiasa menghiasi akhbar dan majalah. Ada masanya kritikan beliau agak kasar dan sangat sinis sehingga memberikan kesan mendalam kepada pembacanya. Antara contohnya adalah kritikan beliau terhadap kerajaan (pentadbiran British) ketika itu yang dianggap cuba mengekang pendidikan orang Melayu. Menurut beliau;¹⁰

Kerajaan tidak mahu orang Melayu celik mata, takut kita menderhaka atau sedar kehinaan kita[kerana]...kerajaan perlu ambil ingat contoh India, beri pelajaran tinggi tentang [melawan] kerajaan.

Keupayaannya dalam dunia akademik membuka peluang kerjaya dalam dunia berkenaan. Sehubungan itu, beliau dilantik sebagai Pensyarah Kanan di Universiti Malaya Singapura dan merangkap Ketua Jabatan Pengajian Melayu di universiti berkenaan. Beliau juga dilantik sebagai salah seorang Ahli Kehormat Lembaga Bahasa Melayu pada Mei 1953. Beliau juga telah dijemput menghadiri Kolokium Kebudayaan Islam di bawah naungan *Library of Congress* di *Princeton University* di Amerika Syarikat pada September 1953. Sebelum menghadiri kolokium tersebut, beliau mengambil peluang untuk melawat ke pusat pengajian tinggi dan universiti di negeri bahagian selatan Amerika Syarikat bagi pihak Universiti Malaya. Selari dengan kredibilitinya dalam bidang ilmu, maka pada Jun 1956, UNESCO menjemput beliau menghadiri seminar mengenai Iktisad dan Pelajaran di Universiti Gajah Mada, Jogjakarta.¹¹

Kepakaran dan kehebatan Za'ba dalam bidang bahasa tidak ada tolok bandingnya. Sehubungan itu, beliau dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pusat Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya III yang diadakan di Johor Bahru pada 19 – 21 September 1956 di mana beliau telah membahaskan kertas kerja berjudul *Laporan Tentang Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia yang dikemukakan oleh Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, Singapura dan telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Tetap Kongres (LTK) dari 1956 – 1958.*

Pada bulan Januari 1959, Za'ba meletakkan jawatannya di Universiti Malaya Singapura atas alasan kesihatan. Namun ia tidak bermaksud sumbangannya kepada masyarakat turut terhenti. Ini kerana selepas persaraannya, beliau menyumbang khidmat sebagai menjadi Penasihat kepada persatuan pelajar. Contohnya Persatuan Pelajar-Pelajar Bahasa Melayu Singapura yang mana beliau mula berkhidmat sebagai penasihat pada Februari 1959. Dalam bidang bahasa, beliau tetap menyumbang kepada usaha memperkasakan bahasa Melayu. Pada awal 1959 beliau telah dilantik sebagai salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Istilah oleh Dewan

Bahasa dan Pustaka. Beliau juga menjadi anggota rombongan dan Penasihat Jawatankuasa Ejaan Malaya ke Indonesia pada 4-7 Disember 1959 apabila Tanah Melayu dan Indonesia bersetuju menyelaraskan sistem ejaan.

Dalam sejarah sepanjang tahun 1916 hingga tahun 1964, pelbagai pengalaman dan cabaran yang dilalui dalam meneruskan perjuangan beliau untuk mengubah pemikiran orang Melayu, meningkatkan martabat Bahasa Melayu, pendidikan dan ekonomi serta politik. Beliau berusaha dengan gigih untuk meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa terulung di negara kita ketika British masih memegang tumpuk pentadbiran Tanah Melayu. Beliau juga berusaha untuk membuka minda orang Melayu untuk berusaha memajukan diri dari belenggu kemiskinan. Beliau mencuba sedaya upaya menyedarkan orang Melayu untuk menceburi kegiatan ekonomi yang lebih menguntungkan. Dalam hal ini beliau boleh dianggap sebagai reformis Melayu yang menggunakan penulisan sebagai wadah untuk membangkitkan semangat patriotism orang Melayu.

Selain daripada dunia intelektual, Za'ba turut melibatkan diri dalam bidang politik. Namun, penglibatannya dalam bidang berkenaan hanyalah dalam tempoh yang pendek sahaja iaitu dari tahun 1945-1947. Setelah tamatnya Perang Dunia Kedua, beliau dilantik menjadi Yang Di Pertua Persatuan Melayu Selangor (PMS) dan Pengurus Jawatankuasa Sambutan Kongres SeMalaya yang telah diadakan di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur pada 1-4 Mac 1946. Selain itu, beliau juga dilantik bersama-sama Datuk Onn, Dato Panglima Bukit Gantang, Orang Menteri Hamzah bin Abdullah dan Nik Mohd Kamil untuk menganggotai Jawatankuasa Penggubal Rang Perlumbagaan *United Malays National Organization* (UMNO).¹² Penglibatannya di dalam UMNO adalah signifikan pada peringkat awal perkembangan parti berkenaan. Beliau dilantik sebagai setiausaha parti berkenaan sejak Mac 1946. Namun, tidak lama selepas itu, beliau mengundurkan diri dari arena politik atas sebab kesihatan.

Bagi mengenang jasa beliau dalam bidang Bahasa dan Persuratan Melayu, beliau dianugerahkan gelaran ‘Pendeta’ dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu di Johor Bahru pada tahun 1956, Ijazah Kehormat Doktor Persuratan (Doctor of Letters (D.Litt) dari Universiti Malaya (1959) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (1973). Pada tahun 1962 beliau dianugerahkan bintang Panglima Mangku Negara (PMN) dari Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang membawa gelaran Tan Sri.

Ketokohan Za'ba dalam pelbagai bidang menyebabkan ramai penyelidik memilih untuk mengkaji dan menulis tentang beliau. Sejak tahun 1970-an, sehingga kini banyak penulisan dan kajian tentang sumbangan serta jasa beliau telah dihasilkan. Hasil penulisan tersebut dari pelbagai aspek kajian. Dan yang paling banyak adalah jasa dan sumbangan beliau dalam memartabatkan Bahasa Melayu, meningkatkan pendidikan Melayu, sumbangan beliau dalam politik dan karya penulisan beliau. Namun begitu, banyak lagi aspek lain yang boleh dikaji terutamanya sifat kemandirian beliau dalam menempuh pelbagai cabaran dan halangan untuk berjaya. Kajian dalam aspek ini mampu melihat lebih mendalam keperibadian dan ketokohan beliau dalam menempuh cabaran masyarakat, pemerintah, Raja-raja Melayu dan ada masanya dari sahabat beliau sendiri. Kajian secara silang juga boleh dilakukan di antara beliau dengan ramai tokoh sezamannya. Kajian secara silang ini dapat mengukuhkan lagi peranan dan sumbangan beliau dalam pelbagai aspek. Karya penulisan beliau banyak yang boleh dikaji secara lebih mendalam dan terperinci. Karya atau yang tidak dicetak atau diterbitkan merupakan naskah paling istimewa. Ini dapat menyerlahkan lagi kehebatan beliau di samping mengetengahkan keunikan dan keistimewaan karya tersebut. Bagi merealisasikan harapan ini, Arkib Negara Malaysia amat menggalakan penyelidikan ke atas koleksi Surat Persendirian

Za'ba. Penulisan dan kajian adalah satu cara kita menghargai jasa dan sumbangan beliau agar masyarakat sentiasa mengingati legasi yang ditinggalkan sebagai pedoman generasi akan datang.

Pemikiran Za'ba dalam Pelbagai Bidang

(i) Bahasa Melayu

Semenjak beliau bekerja di Pejabat Karang Mengarang, *Sultan Idris Training College*, Tanjung Malim, beliau giat menulis dan menerbitkan rencana dan buku berkaitan ilmu Bahasa iaitu tatabahasa, ejaan, dan karang mengarang. Sebelum itu, penulisan beliau lebih banyak berkisar tentang kelemahan pemerintah dan mengkritik sistem feudal. Tulisan dalam aspek bahasa dianggap sebagai jalan keluar kepada beliau yang sering disekat dan dipantau oleh pemerintah. Faktor lain adalah disebabkan tugas beliau sebagai pengajar yang mendorong beliau untuk menerbitkan tulisan berkaitan ilmu Bahasa yang masih dalam keadaan mundur. Beliau berjaya menghasilkan puluhan penulisan tentang ilmu Bahasa dalam akhbar tempatan. Dan beliau juga berjaya menerbitkan beberapa buah buku iaitu *Ilmu Bahasa Melayu I dan Ilmu Bahasa Melayu II*, *Rahsia Ejaan Jawi*, *Ilmu Mengarang Melayu*, *Pelita Bahasa Melayu I*, *Pelita Bahasa Melayu II dan Pelita Bahasa Melayu III*.¹³ Buku tersebut dijadikan buku rujukan yang lengkap untuk semua peringkat pendidikan Melayu zaman itu, dari darjah satu hingga maktab perguruan. Za'ba sangat optimis tentang kemajuan Bahasa Melayu pada masa akan datang. Beliau menggesa pemerintah untuk memberi perhatian dan peluang kepada Bahasa Melayu supaya berkembang dan layak untuk menjadi Bahasa ilmu pengetahuan. Ia disuarakan berulang kali dalam penulisannya. Salah satu contohnya adalah melalui akhbar *Qalam*¹⁴

[Bahasa Melayu] sesuai untuk semua ilmu-ilmu undang-undang, ilmu engineer, ilmu jentera, ilmu siasatan(*science*), ilmu kejadian(*physic*), ilmu kapal terbang, ilmu falak, ilmu falsafah dan berpuluhan-puluhan lagi.

(ii) Pendidikan Melayu

Penulisannya kerap kali menekankan kepentingan pendidikan dalam memantapkan kemajuan dan kedudukan orang Melayu. Peringkat awal Za'ba menyentuh kelemahan sistem pendidikan Melayu secara teori, namun begitu beliau telah mula menghasilkan karya terjemahan yang akhirnya menjadi teks rujukan para guru dan pelajar. Beliau juga turut menyumbangkan idea dan tenaga dalam aspek perkembangan pendidikan Melayu dengan menerbitkan buku teks sekolah Melayu yang pada waktu itu sangat berkurangan. Beliau berkeyakinan bahawa kemajuan orang Melayu hanya boleh dicapai melalui pendidikan dan menggesa supaya pendidikan Melayu ditambahbaik. Antara desakan tersebut diterbitkan oleh *Lembaga Melayu*¹⁵

Maka segala punca sekalian jalan-jalan ini mencari kemajuan tidak syak lagi ialah pengetahuan dan pelajaran dan di atas asas-asas inilah dibina bangunan-bangunan lain dan daripada inilah diterbitkan persenjataan dan kelengkapan bagi membantu jalan-jalan yang lain atau cawangan-cawangan

Za'ba menolak sekularisme. Beliau menyatakan tidak wujud pemisahan antara pelajaran dunia dan pelajaran agama. Ini kerana beliau berpendapat kedua-duanya saling melengkapi. Pendidikan menurut beliau hendaklah meliputi serendah-rendah ilmu hingga setinggi-tinggi ilmu. Beliau turut mengkritik pendidikan di bawah anjuran British yang menetapkan supaya pendidikan bertujuan untuk melahirkan petani atau nelayan Melayu yang mempunyai pengetahuan yang baik sedikit daripada ibu bapanya. Di samping pendidikan dalam kelas,

Za'ba turut menekankan pendidikan dalam bidang Kemahiran disebabkan beliau yakin bahawa pendidikan Melayu di bawah pentadbiran British tidak menyeluruh. Beliau bersikap skeptikal terhadap sistem pendidikan yang dirancang hanya untuk melahirkan orang Melayu tahu menulis dan mengira sahaja.

Pendidikan yang ideal pada pandangan Za'ba adalah pendidikan yang mampu melahirkan generasi muda orang Melayu yang mampu berdikari dan menceburi bidang perniagaan serta kemahiran pertukangan. Za'ba melihat pendidikan merupakan agen perubahan sosial yang penting, untuk maju dan setaraf dengan bangsa lain, orang Melayu perlu mempunyai pendidikan.

(iii) Agama Islam

Selepas Perang Dunia Pertama, Za'ba kecewa dengan tahap pendidikan agama orang Melayu yang beliau anggap berada di tahap rendah dan mundur. Perubahan yang dibawa dalam pendidikan sekular anjuran British menyebabkan pendidikan agama dipinggirkan. Dalam temoh berkenaan, pendidikan agama dihadkan hanya kepada aspek ibadah dan perkara yang asas dalam agama Islam iaitu (i) kemahiran membaca al-Quran, (ii) tatacara melakukan sembahyang (iii) niat puasa (iv) serba sedikit asas ibadat dalam Islam. Jelasnya, pendidikan Islam hanyalah kepada ibadat asas tanpa mendalmi prinsip asas yang penting dalam Islam. Za'ba menegaskan masalah utama yang mendorong kemunduran Muslim bukanlah dari kelemahan ajaran Islam tetapi disebabkan kesalahan yang dilakukan oleh penganutnya. Pendapat ini berkait rapat dengan tanggapan sejak daripada zaman Raffles di Singapura yang mengaitkan pendidikan Islam sebagai salah satu punca kemunduran masyarakat Melayu. Za'ba sebagai penganut agama Islam yakin bahawa agama tersebut memainkan peranan besar dalam memajukan umatnya. Ia jelas seperti dalam petikan berikut;¹⁶

Umat Islam pada zaman ini... sedang dalam kejatuhan dan kemunduran dan kelamahan dan... pada serba serbinya – waimma [sama ada] pada pihak ilmudan kepandaian dan kerajaan dan kekuasaan atau pada pihak kesalehan dan ketinggian perangai.

Ekoran daripada perselisihan antara Kaum Muda dan Kaum Tua, Za'ba melihat kemunduran berpunca daripada kelemahan ajaran Kaum Tua kerana beliau percaya bahawa fahaman Islam Kaum Tua sudah tidak sesuai lagi dengan kemajuan dan kemunculan kuasa Barat. Za'ba menyalurkan pendapatnya berkenaan hal ini kepada masyarakat dengan menggunakan akhbar. Beliau menerbitkan lebih 40 buah rencana dalam *Utusan Melayu* bagi mengupas dan menghuraikan masalah berkaitan fahaman Islam Kaum Tua. Artikel yang diterbitkan secara bersiri ini bertajuk *Dahulu dan Sekarang*. Artikel berkenaan mengemukakan kritikan kepada kelemahan yang timbul dan mengesyorkan cara yang sesuai untuk mengatasinya.

Secara umumnya, Za'ba berpendapat kelemahan dalam pemahaman Islam orang Melayu boleh dihakis melalui dua cara iaitu (i) memajukan pendidikan agama melalui pendidikan formal dan (ii) memperbaharui sistem pendidikan sekolah pondok. Za'ba menafikan kepentingan dan fungsi pentadbiran British dalam memperkasakan pendidikan agama di Tanah Melayu. Beliau menyarankan supaya Raja-raja dan pembesar Melayu memainkan peranan proaktif dalam menerajui usaha memantapkan pendikan agama. Gesaan kepada kuasa tertinggi dalam masyarakat Melayu ini digabungkan dengan gesaan supaya buku teks dan kitab agama yang menjadi rujukan para pelajar dan para guru ditambah.

(iv) Ekonomi orang Melayu

Kesejahteraan ekonomi orang Melayu mendapat perhatian khusus dari Za'ba. Kemunduran ekonomi Melayu menjadikan mereka ketinggalan di tanah air sendiri dan ia dilihat sebagai satu perkembangan yang menggusarkan. Za'ba percaya perubahan dalam ekonomi hanya boleh dicapai sekiranya orang Melayu mengubah sikap dan bersungguh-sungguh dalam bersaing dengan bangsa lain. Dalam hal ini Za'ba menghuraikan konsep kemiskinan orang Melayu yang beliau kelaskan dalam dua keadaan iaitu (i) miskin kebendaan dan (ii) miskin rohani. Za'ba berpendapat kedua-dua bentuk kemiskinan ini memberi kesan besar dalam perkembangan ekonomi orang Melayu. Antara gambaran yang diberikan oleh Za'ba berkenaan kemiskinan orang Melayu adalah seperti berikut;¹⁷

Orang-orang kita Melayu ini pada hitungan am atau jumlahnya ialah suatu kaum yang tersangat miskin. Kemiskinan itulah sifatnya yang terlebih sangat lengkap dan nyata daripada lain-lain sifat kebangsaannya dan ialah juga sebesar-besarnya kekurangan menjadikan mereka kalah atau ketinggalan di belakang dalam perlumbaan kemajuan.

Sehubungan itu, beliau menggariskan beberapa langkah bagi mengubah status ekonomi orang Melayu. Menurutnya, perkara paling utama ialah pendidikan kerana pendidikan bukan hanya membawa perubahan minda tetapi juga mendorong kepada tindak tanduk yang matang dan bijaksana. Za'ba menggalakkan orang Melayu untuk mengubah sikap dengan lebih bersemangat dalam usaha mereka untuk meningkatkan taraf hidup dengan pendidikan, kemahiran dan amalan berdikari. Beliau mengkritik orang Melayu yang gagal menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi tradisi kepada ekonomi moden. Kritikan kepada orang Melayu yang bergantung sepenuhnya kepada ekonomi sara diri dan ketinggalan ekonomi disuarakan berulang kali dalam penulisannya. Antaranya seperti petikan berikut;¹⁸

Kami telah menanam satu atau dua ekar getah sebab tiru orang Eropah, tetapi kenapa pekerjaan lama seperti tanam pisang dan kelapa dibiar kepada orang Jawa saja dan melombong, membuka kedai, ketukangan dan lain-lain dibiar kepada orang Cina? Kenapa tiru orang Eropah sahaja, tidak tiru dari orang Jawa dan Cina.

(v) Pemikiran Politik

Za'ba membincangkan tentang semangat patriotisme dalam penulisannya. Ia jelas melalui artikelnya yang menyentuh mengenai pendidikan, agama dan ekonomi. Beliau melihat patriotisme sebagai aspek yang penting dalam kalangan masyarakat. Beliau pernah menggunakan nama pena *Patriot* dalam tulisannya dan penggunaan nama tersebut memberikan imej bahawa beliau tekad mengkritik pihak yang memberikan ancaman kepada bangsa dan tanah airnya. Fikiran politik beliau bersifat antifeudal dan juga anti penjajah. Kritikan Za'ba terhadap golongan raja dan pembesar Melayu dikemukakan kerana beliau berpendapat golongan ini mengabaikan tanggungjawab dan peranan mereka dalam membela nasib bangsa Melayu. Ia sepetimana yang dinukilkan di dalam tulisannya pada 1927,¹⁹

...kena perabadian dan kena picit dan perah dan ramas di tangan pemerintah-pemerintahnya.

Mengenai pemerintahan British pula, Za'ba mengkritik kemajuan dan kemakmuran ekonomi Tanah Melayu tidak dikecapi oleh orang Melayu. Menurut beliau, walau British membawa tamadun dan kemajuan tetapi orang Melayu masih mundur dan ketinggalan dalam segala lapangan jika dibandingkan dengan kaum yang lain. Menurutnya,²⁰

Sungguhpun Tanah Melayu ini negeri yang sentiasa bertambah-tambah ramai dan bertambah-tambah kaya daripada kemakmuran khazanah buminya akan tetapi siapakah yang sentiasa menambah-nambahkan kekayaan itu? Dan siapakah yang sentiasa beroleh keuntungan daripada kemakmuran itu?

Za'ba menggunakan rencana dan tulisannya dalam aspek pendidikan, agama dan ekonomi untuk membangkitkan semangat orang Melayu mempersiapkan diri untuk membela maruah bangsa, agama dan negara. Za'ba menggunakan istilah bangsa Melayu dan kaum Melayu. Asas utama konsep bangsa Melayu merujuk kepada persamaan bahasa dan kebudayaan. Cita-cita politik beliau ialah untuk mewujudkan perpaduan bangsa Melayu.

Secara keseluruhannya, perbincangan di atas memperlihatkan ketokohan Za'ba sepanjang hidupnya. Beliau merupakan tokoh yang menyumbang pemikiran dalam pelbagai aspek sosial, ekonomi dan politik demi memastikan masyarakat Melayu mencapai kemajuan. Sehubungan itu, perbincangan berikutnya menghuraikan tentang sumber sejarah berkenaan Za'ba yang terdapat di dalam simpanan ANM.

Penulisan Mengenai Za'ba

Kajian mengenai peranan orang perseorangan atau tokoh dalam masyarakat Melayu, mula mendapat tempat di institusi pengajian tinggi sekitar 1970-an. Kebanyakan kajian berkisar peranan tokoh pentadbir British atau Raja-Raja Melayu dan pembesar Melayu. Tokoh dari orang kebanyakannya belum mendapat tempat dalam kajian walaupun mereka banyak memberi sumbangan dan jasa dalam pencejaraan negara. Bagaimanapun, fenomena ini berubah dengan kewujudan gerakan penulisan semula sejarah pada 1960-an dan gesaan untuk menulis sejarah yang menyeluruh dan tidak hanya mewakili golongan atasan sahaja sejak awal 1980-an.

Sebuah kajian ilmiah oleh Zabedah Bte Awang Ngah bertajuk “Za’ba (Pandangan dan kritikan Za’ba mengenai soal sifat-sifat kemiskinan dan setengah aspek cara penghidupan orang Melayu serta syor-syor atas jalan keselamatan bagi orang Melayu)” pada tahun 1960.²¹ Kajian ilmiah ini merupakan kajian mengenai Za’ba yang paling awal dihasilkan. Kemudian muncul ramai penulis lain yang menghasilkan kajian mengenai Za’ba. Penulis yang sezaman dengan Za’ba mempunyai kelebihan untuk menulis mengenai beliau, antaranya Li Chuan Siu, Abdullah Hussain, Ungku Aziz, Ali Haji Ahmad, Ishak Haji Muhammad, Mahmud Ahmad, Asmah Haji Omar, Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Yahya Ismail.

Selepas itu, hasil penulisan tentang ketokohan dan sumbangan Za’ba banyak dihasilkan. Sebanyak 121 penulisan mengenai Za’ba yang telah dihasilkan. Data daripada Perpustakaan Tun Seri Lanang (UKM), Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (PATMA), Perpustakaan Utama (Universiti Malaya), Perpustakaan Peringatan Za’ba (Universiti Malaya), Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perpustakaan Negara Malaysia, terdapat lebih kurang 159 buah buku yang ditulis oleh Za’ba dan buku mengenai Za’ba. Pecahan bidang penulisan karya Za’ba dan mengenai beliau seperti dalam jadual di bawah;

Jadual 1. Pecahan Bidang Penulisan Karya Za'ba

Bil	Bidang	Jumlah
1.0	Agama	11
2.0	Falsafah	15
3.0	Pendidikan	38
4.0	Politik	9
5.0	Sastera	19
6.0	Sejarah	3
7.0	Sosial	9
8.0	Autobiografi/Biografi	53
9.0	Lain-lain	2
Jumlah Keseluruhan		159

Sumber: Portal Pusat Rujukan Sehenti Penyelidikan Alam Melayu, UKM

Bidang yang paling tinggi bilangan judulnya adalah autobiografi/biografi iaitu 53 judul. Za'ba adalah seorang cendekiawan Melayu yang aktif dan prolifik sering kali menjadi pilihan penyelidikan. Bidang kajian tentang Za'ba semakin bertambah hasil daripada kajian yang semakin bersifat pelbagai selari dengan kemajuan ilmu pengetahuan. Contohnya, bidang falsafah yang merupakan ke empat tertinggi. Lima daripadanya adalah karya Za'ba sendiri, manakala selebihnya oleh penulis lain. Antara karya beliau yang tidak sempat diterbitkan semasa hayatnya adalah *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri* yang kemudiannya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1981.

Kajian lengkap dan terperinci terhadap karya atau rencana Za'ba yang pernah disiarkan di akhbar tempatan, masih sedikit jumlahnya. Hasil karya tulisan Za'ba yang pernah disiarkan dalam akhbar dan majalah adalah sebanyak 79 artikel. Beliau mula menulis sejak dari tahun 1916. Sehingga kini, kajian mengenai karya atau rencana Za'ba masih kurang mendapat perhatian berbanding karyanya yang lain. Namun begitu, terdapat rujukan kepada tulisannya di akhbar yang dijadikan sandaran dan asas perbincangan oleh pengkaji semasa mengulas perkara lain. Sebagai contohnya Adnan Nawang yang menggunakan banyak rujukan berdasarkan kepada artikel Za'ba di dalam akhbar tempatan bagi menilai pemikiran beliau berhubung isu kemiskinan, pendidikan dan agama.

Peranan Arkib Negara Malaysia

Secara umumnya ANM berperanan sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk menyimpan semua rekod awam di Malaysia. Pada awal tahun 1957, sebuah laporan dikeluarkan mengenai kepentingan diwujudkan satu unit untuk bertanggung jawab dalam pemeliharaan rekod awam berasaskan tatacara *Public Record Office*, London. Hasilnya, *Public Record Office* ditubuhkan di Tanah Melayu dan diletakkan dibawah kawal selia Jabatan Perdana Menteri. Sehubungan itu, dalam sejarahnya, ANM adalah antara agensi kerajaan awal ditubuhkan iaitu setelah beberapa bulan Tanah Melayu merdeka (1 Disember 1957). Selari dengan tujuan penubuhannya, ANM dipertanggungjawabkan untuk meneruskan usaha untuk memelihara dan menyimpan rekod awam. Ini kerana kebanyakan rekod awam yang wujud pada atau sebelum 1940-an mengalami kemasuhan akibat perang atau dilupuskan oleh pentadbir awam yang ketika itu masih belum mempunyai kesedaran untuk memelihara dan menyimpan rekod tersebut.

Koleksi SP18 di ANM

Koleksi SP18 dikenali sebagai SP 18 di dalam koleksi ANM. SP 18 merupakan dokumen peribadi yang dimiliki oleh Za'ba sepanjang hayatnya. Selepas Za'ba meninggal dunia, koleksi rekod persendirian Za'ba ini diserahkan oleh anak beliau iaitu Puan Zaharah Za'ba kepada Arkib Negara Malaysia pada tahun 1979.²² Satu sifat yang amat jelas ialah Za'ba seorang yang mengutamakan pemeliharaan dan penggumpulan rekod-rekod persendirian beliau. Rekod-rekod tersebut dikumpul dan dijaga dengan baik sepanjang kehidupan beliau. Sifat dan amalan ini menyebabkan rekod tersebut masih dalam keadaan terjaga dan sempurna. Koleksi ini mengandungi surat menyurat, draf asal rencana, draf asal tulisan buku, catatan umum, dairi atau buku peringatan, memorandum, manuskrip, keratan akhbar, gambar, sijil sekolah dan sebagainya. Jumlah keseluruhan koleksi yang diserahkan pada masa tersebut ialah 9850 bahan. Pecahan jenis bahan tersebut adalah seperti di bawah:

Jadual 2. Pecahan Jenis Bahan

Bil	Jenis Bahan	Jumlah
1.0	Fail	94
2.0	Lambang, lencana, meterai dan pelekat	364
3.0	Lukisan dan pelan	1
4.0	Manuskrip	297
5.0	Perjanjian dan persetujuan	49
6.0	Poster dan kalender	13
7.0	Rekod-rekod kartografi	10
8.0	Rekod-rekod pandang dengar	223
9.0	Suratkhabar dan majalah	2640
10.0	Terbitan	1922
11.0	Teks ucapan	22
12.0	Cenderamata	3
13.0	Kertas kerja	122
14.0	Surat menyurat	3211
15.0	Minit mesyuarat	46
16.0	Personalia	69
17.0	Perundangan	21
18.0	Hasil karya/penulisan	738
19.0	Pelbagai	1
20.0	Watikah	3
21.0	Artifik	1

Sumber: Sistem COMPASS, ANM

Maklumat sejarah terdapat dalam semua bahan dalam koleksi SP18, namun bahan utama yang kaya dengan maklumat manuskrip, surat khabar dan majalah, terbitan, kertas kerja, surat menyurat dan hasil karya penulisannya. Maklumat yang terkandung dalam koleksi ini sangat berharga dan bernilai bukan sahaja kepada kajian terhadap sumbangan dan jasa Za'ba, malah kajian terhadap sejarah pendidikan, sejarah politik dan sejarah orang Melayu dalam tempoh berkenaan.

SP18 mengandungi dokumen yang mempunyai maklumat berkenaan butiran peribadi dan rasmi berkenaan Za'ba. Bahan yang dirujuk sebagai SP 18/7G/90- SP 18/7G/119 sebagai contohnya merujuk kepada maklumat peribadi dan penulisan mengenai Za'ba seperti riwayat hidup, berita persaraannya daripada UM dan juga berita berkenaan beliau sebagai tokoh yang mencipta pramasstera. Catatan harian serta nota beliau juga boleh diakses oleh penyelidik melalui koleksi SP18 ini. Namun, koleksi SP18 tidak hanya terhad kepada hal ehwal dirinya

sahaja. Ini kerana SP18 mempunyai bahan yang mempunyai maklumat bersangkutan dengan institusi, agensi dan pihak lain yang pernah mempunyai hubungan atau kepentingan dengan beliau. Contohnya kajian mengenai sejarah dan perkembangan institusi seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Maktab Melayu Kuala Kangsar Kolej Islam dan banyak lagi. SP18 berkenaan UM contohnya memberikan maklumat mengenai beberapa tokoh yang signifikan di UM seperti Hj Khairuddin bin Hj Muhammad, Ali bin Hj Ahmad, Syed Hussien Ali, Amir Haji Omar dan Fatimah Hashimah Roose.²³ Selain itu, sejarah berhubung UPSI ketika berada di era *Sultan Idris Training College* dan Maktab Perguruan Sultan Idris juga terdapat di dalam koleksi SP18. Antara bahan berkenaan adalah terjemahan mengenai pulau di Britain, kertas peperiksaan yang diadakan di SITC 1918-1924, dokumen pejabat terjemahan, memorandum berkenaan SITC, koleksi ucapan perpisahan kepada guru SITC dan koleksi ucapan lain daripada pengetua serta terjemahan daripada drama yang dipentaskan di SITC.²⁴ Bahan-bahan berkenaan membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat berhubung pelbagai aspek dalam perkembangan sejarah yang berlaku.

Turut termasuk di dalam SP18 adalah koleksi surat-menyurat Za'ba yang berjumlah lebih 3000 unit. Semua surat ini mengandungi pelbagai maklumat yang bernilai. Dalam koleksi tersebut bukan sahaja mengandungi surat yang diutus oleh orang lain kepada Za'ba, malah terdapat juga salinan surat beliau pada orang lain. Selalunya bila seseorang mengutus surat, jarang ditemui salinannya di simpan sendiri. Inilah keunikan Za'ba, kebanyaknya surat menyurat tersebut mempunyai salinannya sendiri. Terdapat juga surat tersebut berbentuk deraf, yang mungkin surat tersebut telah disediakan tetapi tidak dihantar kepada penerimanya. Selain itu, SP18 juga mempunyai koleksi kad ucapan hari raya yang diutuskan kepada Za'ba. Rata-rata kad berkenaan bertarikh pada 1928-1973. Penelitian kepada kad hari raya ini memberikan maklumat berhubung berbagai perkara. Antaranya adalah institusi sama ada di dalam maupun luar negara kerana terdapat juga kad berkenaan yang diutuskan oleh pemerintah luar daripada Filipina dan Vietnam.

Selain itu, maklumat semasa dan selepas Perang Dunia Kedua juga boleh diperolehi melalui SP18. Ini kerana koleksi ini mempunyai bahan daripada tahun 1939-1963 yang berkaitan dengan perang dan berita peperangan. Ia meliputi perang yang berlaku di Tanah Melayu, perkembangan berkaitan Malayan Union serta beberapa perkara mengenai Jepun di Tanah Melayu. Antaranya adalah berita yang disiarkan di radio Jepun dan maklumat mengenai Jepun yang pernah dimiliki oleh Za'ba.

Selain daripada bahan berkenaan, SP18 turut merujuk kepada temubual langsung dengan Za'ba. Pada 15 September 1970, Arkib Negara Malaysia berjaya merakamkan pendokumentasian bersama Za'ba. Dalam temubual tersebut sebanyak enam unit pita kaset digunakan. Rakaman ini banyak memberikan maklumat dan fakta secara terus dari beliau sendiri terutamanya dalam subjek kesusasteraan. Wawancara ini telah ditranskripkan dan boleh dirujuk hasil kerjasama antara UPSI dan ANM. Selain itu Arkib Negara Malaysia juga banyak melaksanakan rakaman sejarah lisan bersama tokoh sezaman Za'ba, yang boleh membantu penyelidikan atau menambah maklumat atau fakta dalam aspek kajian mereka.

Jelasnya, SP18 merupakan koleksi bahan yang menyediakan maklumat yang tidak hanya berkenaan Za'ba tetapi juga tentang tokoh dan institusi lain yang beliau pernah mempunyai hubungan dengannya. Penelitian dan kajian mendalam terhadap koleksi SP18 akan memberikan maklumat mendalam mengenai perkembangan yang berlaku dalam tempoh berkenaan. Kajian kepada bahan SP18 akan memenuhi jurang fakta dan memperkayakan

maklumat. ANM berharap SP18 akan diteliti oleh penyelidik dan memanfaatkan semua bahan yang ada dalam koleksi berkenaan.

Prospek Kajian Mengenai Za'ba

Kajian mengenai sumbangan dan jasa Za'ba amat banyak dihasilkan. Hasil kajian tersebut menunjukkan ketokohan beliau dalam pelbagai. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai contohnya menghasilkan ratusan kajian sehingga menghasilkan portal yang berfungsi sebagai pusat rujukan maklumat berkaitan Za'ba. Ini dilaksanakan dengan menyenaraikan hasil karya atau rencana yang ditulis oleh Za'ba sendiri dan senarai penulis lain mengenai beliau. Ini merupakan satu usaha yang baik untuk menyediakan satu pusat maklumat sehenti mengenai Za'ba. Selain daripada UKM, terdapat koleksi bahan Za'ba tersimpan di Universiti Malaya (UM), UPSI dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Pemanfaatan teknologi terkini boleh menjadikan pusat sumber sehenti tersebut lebih efektif dan effisien di samping memudahkan penyelidikan di mana maklumat boleh diakses di hujung jari.

Pemerhatian penulis mendapati masih belum terdapat kajian tentang kecekalan dan ketabahan Za'ba dalam mengharungi pelbagai cabaran dalam hidupnya. Za'ba sering berhadapan dengan pelbagai ujian yang datang daripada dirinya sendiri, keluarga, pemerintah British, masyarakat sekeliling dan rakannya. Kajian berhubung tindak balas Za'ba terhadap ujian dan cabaran dalam hidupnya akan dapat membuka lembaran baharu. Ia memberikan maklumat tentang cara beliau mengatasi semua cabaran dan halangan tersebut untuk terus memburu kejayaan dan mengekalkan rentak perjuangan dalam mencapai cita-citanya. Kajian kemandirian Za'ba juga akan membuka landskap baru penyelidikan berkaitan ketokohan dan kecekalan beliau. Ketika itu masyarakat Melayu menghadapi masalah dari segi ekonomi, politik dan pendidikan. Walaupun tahun 1920-1950 dianggap sebagai era kemakmuran dan kemajuan ekonomi Tanah Melayu tetapi tidak semua orang Melayu mengecapinya. Kejituhan dan ketetapan hati serta minda beliau kekal di atas landasan perjuangan membela nasib orang Melayu, merupakan satu yang sangat istimewa. Sehingga akhir usianya, Za'ba melahirkan rasa kesalnya kerana tidak membuat sesuatu yang lebih daripada yang telah berjaya dibuat olehnya. Kekesalannya jelas tergambar dalam sejak beliau bertarikh 28 Oktober 1960;

Wahai umur tuaku!
Kalau dapatlah kiranya kembali kepadaku
Barang sehari sahaja,
Nescaya boleh aku ceritakan kepadanya
Apa yang telah diperbuat kepadaku oleh
Umur tuku!

Penutup

Secara keseluruhan Za'ba mempunyai pemikiran yang jauh ke hadapan yang melangkaui zamannya. Pemikirannya mengenai masalah orang Melayu adalah jelas dan beliau menggunakan penulisan yang bernas dan tajam untuk mengetengahkan masalah serta langkah-langkah mengatasinya. Sehubungan koleksi bahan yang terdapat di dalam SP18 adalah sumber yang perlu diperdalam dan diteliti bagi mengetengahkan peranan tokoh ini. SP18 juga mempunyai maklumat sejarah berhubung pelbagai individu, institusi dan agensi lain. Jelasnya kajian terhadap SP18 di ANM sedikit sebanyak akan menyumbang bagi emmenuhi kelompongan yang terdapat dalam sejarah Malaysia. Penulisan yang berterusan mengenai

Za'ba diharap akan menjadi sumbangan dan penghargaan ketokohan beliau supaya segar diingati dan disanjungi oleh generasi akan datang.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang menyumbang dan memberi galakan sehingga terbitnya makalah ini.

Rujukan

Abdullah Zakaria Ghazali. 2022. Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba), 1895-1973: Tokoh Besar Negara, *Seri Menanti: Jurnal Lembaga Muzium Negeri Sembilan*, 1,59-81

Adnan Haji Nawang. 1994. *Za'ba Patriot Dan Pendeta Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu

Adnan Haji Nawang. 2005. *Memoir Za'ba*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Ahmad Nabil Amir. 2020. Pemikiran Za'ba Dalam Karya-Karya Terpilih, *Jurnal Peradaban Melayu*, 15, 53-58
Al-Ikhwan, 16 Jun 1927

Ermy Azziaty Rozali & Mohammad Redzuan Othman, Jalan Keselamatan Bagi Orang-orang Melayu': Pemikiran Za'ba bagi Memajukan Pendidikan Dan Ekonomi pada Tahun 1920-an, *SEJARAH*. 18(18), 9-34
Lembaga Melayu, 6 Jun 1917

Mohd Samsudin. 2022, Menyantuni Pendeta Za'ba Seorang Tokoh Negara. *Seri Menanti: Jurnal Lembaga Muzium Negeri Sembilan*, 1, 33-58

Pendeta Za'ba (Zainal Abidin Ahmad), Portal Pusat Rujukan Sehenti Penyelidikan Alam Melayu, UKM, diakses atas talian, https://www.malaycivilization.com.my/exhibits/show/tokoh-pemikir-alam-melayu/pendeta_zaba

Pendeta Za'ba. Pusat rujukan Sehenti Alam Melayu, http://www.malaycivilization.com.my/exhibits/tokoh-pemikir-alam-melayu/pendeta_zaba#content

Pengasuh, 17 Mac 1919

Puan Zaharah, <https://www.nlb.gov.sg/main/image-detail?cmsuuid=b5775827-724a-4005-82c4-af474301aab8>

Qalam, April 1954

Sejarah Lisan Za'ba, Arkib Negara Malaysia
SP 18, Inventori Jilid III

Surat Persendirian Za'ba, SP 18, Arkib Negara Malaysia.

Utusan Melayu, Februari 18, 1920

Utusan Melayu, Oktober 11, 1919

Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali.1996. Pendita Za'ba: Pemikirannya Mengenai Islam dan Melayu, Dlm. *100 Tahun Za'ba: Za'ba Pejuang Bangsa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.285-308

¹ Surat Persendirian (SP 18), "Za'ba: Ringkasan Riwayat Hidup-nya".

² *Ibid*

³ *Ibid*

⁴ Ermy Azziaty Rozali & Mohammad Redzuan Othman. 2010 Jalan Keselamatan Bagi orang-Orang Melayu': Pemikiran Za'ba bagi Memajukan Pendidikan Dan Ekonomi pada Tahun 1920-an. *SEJARAH* 18(18), 9-34

⁵ Surat Persendirian (SP 18), "Za'ba: Ringkasan Riwayat Hidup-nya".

⁶ *Ibid*

⁷ *Ibid*

⁸ Adnan Haji Nawang. 1994. *Za'ba Patriot Dan Pendeta Melayu* Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu

⁹ Surat Persendirian (SP 18), "Za'ba: Ringkasan Riwayat Hidup-nya".

¹⁰ *Utusan Melayu*, Oktober 11, 1919

¹¹ Surat Persendirian (SP 18), “Za’ba: Ringkasan Riwayat Hidup-nya”.

¹² *Ibid*

¹³ *Ibid*

¹⁴ *Qalam*, April 1954

¹⁵ *Lembaga Melayu*, 6 Jun 1917

¹⁶ *Utusan Melayu*, Februari 18, 1920

¹⁷ *Al-Ikhwan*, 16 Jun 1927

¹⁸ *Lembaga Melayu*, 6 Julai 1917

¹⁹ *Al-Ikhwan*, 16 April, 1927

²⁰ *Pengasuh*, 17 Mac 1919

²¹ Pendeta Za’ba. Pusat Rujukan Sehenti Alam Melayu, http://www.malaycivilization.com.my/exhibits/tokoh-pemikir-alam-melayu/pendeta_zaba#content

²² Puan Zaharah, anak kepada Za’ba (1920-1988) merupakan bekas supervisor di program Bahasa Melayu di Radio Singapura pada 1958-1974., <https://www.nlb.gov.sg/main/image-detail?cmsuuid=b5775827-724a-4005-82c4-af474301aab8>

²³ SP 18, Inventori Jilid III

²⁴ *Ibid*